

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 FEBRUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Projek ECRL penuhi syarat EIA

Projek ECRL penuhi syarat EIA

PETALING JAYA – Pembukaan tanah untuk projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Selangor mematuhi garis panduan dan syarat termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), menurut pemilik projek tersebut, Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL).

Kata MRL dalam satu kenyataan semalam, EIA bagi projek berkenaan, yang merupakan satu laporan wajib di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 30 November 2021 dan mendapat kelulusan pada 20 Disember 2021.

"Pada 14 September 2022, kami telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Selangor untuk meneruskan pembinaan projek ECRL bagi jajaran rel Seksyen C2 ECRL (Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang).

"Kami ingin menyatakan bahawa pembukaan tanah untuk projek ECRL di Selangor tidak melibatkan penyahwartaan hutan simpan, termasuk kawasan-kawasan di Taman Negeri Selangor.

"Bagi memudahkan kerja-kerja awal pembinaan ECRL, MRL telah memperolehi kebenaran daripada Jabatan Perhutanan



SEBAHAGIAN daripada tiang projek ECRL ketika sedang dibangunkan di Kampung Tasek, Bukit Payung, Terengganu.

untuk permit izin lalu (*right of way permit*) supaya kontraktor-kontraktor kami dapat memasuki kawasan hutan simpan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berlesen yang berkaitan dengan ECRL," katanya.

Baru-baru ini, sebuah pertubuhan bukan kerajaan alam sekitar mendakwa, terdapat pencerobohan di Hutan Simpan Hulu Gombak dan Serendah,

Selangor sebelum kerajaan negeri memaklumkan ia merupakan sebahagian daripada urusan pembinaan ECRL.

MRL menambah, pihaknya bersama kontraktor utama, China Communications Construction (ECRL) Sdn. Bhd. mengalu-alukan pandangan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan berkenaan projek berkenaan.